



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MyIPO GALAS PERANAN PENERAJU PERBINCANGAN NASIONAL MENGENAI HARTA INTELEK DAN AI

PETALING JAYA, 18 OGOS 2025 – Perbadanan Harta Intelekt Malaysia (MyIPO) hari ini menganjurkan Dialog Nasional Harta Intelekt dan Kecerdasan Buatan (AI) bertempat di Menara MyIPO, PJ Sentral, yang telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah MyIPO, YBrs. Puan Yusnieza Syarmila Yusoff. Program ini menghimpunkan penggubal dasar, pakar undang-undang, penyelidik, ahli akademik, pemain industri dan pihak berkepentingan lain bagi membincangkan bagaimana kemunculan teknologi AI sedang mengubah landskap perlindungan harta intelek di Malaysia dan di peringkat global.

Bertemakan “*Owning the Future – IP in the Age of AI*”, dialog ini menekankan kepentingan membina dasar dan undang-undang harta intelek yang bersedia menghadapi cabaran baharu, di samping memanfaatkan peluang yang dibawa oleh AI. Perbincangan memberi tumpuan kepada isu-isu penting termasuk pengiktirafan karya yang dijana sepenuhnya oleh mesin, peranan AI dalam penciptaan paten dan reka bentuk, serta perlindungan terhadap hasil karya manusia dalam persekitaran teknologi yang berkembang pesat.

Di peringkat global, isu AI dan harta intelek kini menjadi tumpuan utama. Pertubuhan Harta Intelekt Dunia (WIPO) melalui siri *WIPO Conversation* telah menghimpunkan pelbagai pihak dari seluruh dunia untuk membincangkan potensi besar AI serta cabaran baharu yang muncul seiring kemajuan teknologi ini. Ada negara yang sedang mempertimbangkan pengiktirafan undang-undang terhadap karya yang dihasilkan oleh AI, manakala ada yang mengekalkan prinsip bahawa perlindungan IP harus kekal berasaskan sumbangan manusia.

Perbincangan ini juga menjadi platform penting untuk merapatkan jurang antara undang-undang sedia ada dengan teknologi baharu, seterusnya menyokong usaha membina dasar harta intelek yang mampu bertahan menghadapi perubahan pesat masa depan.

Bagi masyarakat umum, hasil daripada dialog ini akan memberi kesan kepada cara mereka mencipta, berniaga dan menggunakan kandungan digital. Sama ada sebagai pereka, penulis, usahawan atau pengguna, hala tuju dasar yang dibentuk melalui perbincangan ini akan menentukan bagaimana hak dan perlindungan harta intelek terhadap karya serta inovasi dijamin di masa hadapan.

MyIPO percaya bahawa hasil dan dapatan maklumat yang dikumpul daripada Dialog Nasional ini akan menjadi asas penting bagi merangka dasar IP negara yang lebih bersedia, progresif dan seiring dengan perkembangan teknologi global, sekali gus memastikan Malaysia kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media, sila hubungi:

ENCIK AKHTAR BIN SAHARI
Ketua Komunikasi Korporat
T: 012-6725667
E: akhtar@myipo.gov.my

CIK EMELIADIANA BINTI ALAWI
Pegawai Komunikasi Korporat
T: 011-19815143
E: emeliadiana@myipo.gov.my

Perbadanan Harta Intelek Malaysia,
Menara MyIPO, PJ Sentral,
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 603 – 7496 8900
Emel : ipmalaysia@myipo.gov.my
Laman web : <http://www.myipo.gov.my>

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)

MyIPO merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab untuk pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. MyIPO menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang berkesan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti.